

**TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGAL PERTAMA**

Salam sejahtera dan salam reformasi.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua DUN kerana sanggup memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan/ ucapan terima kasih Tun Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Laksanakan Agenda Reformasi Dan Peduli Rakyat Pulau Pinang

Isu-isu semasa/ Usul-usul dibangkit:

1. Rakyat menghadapi kekangan dalam mobiliti ke sesuatu destinasi yang ingin dikehendaki menunjanya dan masa menunggu agak panjang. Mereka tidak membuat pilihan sekiranya kewujudan sistem pengangkutan pada seketika itu masih kurang ditawarkan kepada orang ramai.

(serahan persoalan kpd N22 Tanjung Bungah~Infrastruktur dan pengangkutan)

2. Rakyat mempunyai tekanan hidup yang disebabkan kos sara hidup meningkat, inflasi meningkat menyebabkan kuasa beli daripada rakyat akan merosot dan kadar pengangguran meningkat. Wujudnya kehilangan sumber pendapatan yang disebabkan Pandemik Wabak COVID-19 atas kesannya terhadap ekonomi negara merosot. Pasaran menghadapi kekurangan sumber bahan mentah/ produk keluaran dari kilang atau industry. (Peluang pekerjaan & membasmikan kemiskinan)

(serahan persoalan kpd N37 Batu Maung ~ Perdagangan, Industri & Pembangunan Usahawan)

3. Rakyat menghadapi kesesakan lalu lintas (traffic jam) dalam keadaan yang amat teruk, terutamanya pada waktu pagi 7 pagi – 9 pagi dan waktu senja 6 petang - 7 petang tumpu di jalan Sungai Bakap. (Pergi kerja & Balik kerja)

(serahan persoalan kpd N22 Tanjung Bungah~Infrastruktur dan pengangkutan)

Cadangan/ Pandangan:

1. Penambahan aliran pengangkutan awam (Rapid Penang Bas) bagi rakyat Pulau Pinang di kampung (luar bandar) atau bandar terancang, seperti jalan Bandar Tasek Mutiara (Pearl City), jalan Tasek dan jalan Sungai Bakap. Rapid bus mini juga perlu disediakan kepada orang ramai di kawasan yang menghadapi kekurangan kemudahan pengangkutan awam. Penyediaan sistem pengangkutan awam di kawasan luar bandar perlu dikaji semula dan dirancangkan terlebih dahulu dengan pihak yang berkenaan.

2. Langkah inisiatif seperti kempen atau pameran kerjaya dan pemberian subsidi atau elaun tambahan, terutamanya kepada pekerja dalam golongan muda/ belia bagi membiayai kos sara hidup dan memastikan sumber pendapatan mereka adalah mencukupi bagi menampung kos perbelanjaannya dalam kehidupan seharian. Latihan dan bengkel perlu diberikan supaya pekerja lebih mahir dan berkemampuan untuk menjadi pekerja yang berdisiplin serta meningkatkan potensi diri-sendiri.

3. Projek memperlebar jalan raya dan ubah suai pelan jalan raya di simpang empat daripada pihak JKR bagi mengatasi masalah apabila berlakunya pertambahan bilangan kenderaan pada waktu-waktu yang tertentu. Skala jalan raya haruslah dirancangkan terlebih dahulu secara terperinci. Misalnya, sistem pengangkutan awam boleh ditingkatkan bagi menampung permintaan rakyat dengan mewujudkan kemudahan transit aliran ringan (LRT) dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Saya menyeru agar ahli-ahli EXCO Pulau Pinang perlu sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya dan menitikberatkan dalam urus tadbir dan menyediakan pelan perancangan awal bagi mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang demi kesejahteraan

rakyat. Saya ingin mendapat sokongan atas perbincangan usul daripada barisan backbencher dan pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

'Lampiran bahan bukti/ bahan sokongan:

Usul berkenaan isu kos sara hidup & inflasi [Ekonomi semasa]

1. Data Jabatan Perangkaan menunjukkan isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 mengalami kenaikan harga telur sebanyak 13.4 peratus, harga daging lembu (4.5 peratus) sayur-sayuran (4.3 peratus) dan harga makanan laut (3.7 peratus), hanya pada Feb 2022. Ia akan memberi kesan kepada golongan M40 yang semakin ramai terperokok ke dalam kumpulan B40. Untuk rekod, setakat Ogos 2021, seramai 600,000 isi rumah M40 telah menyertai kelompok B40. Dalam keadaan negara masih bergelut dengan pengangguran yang tinggi (hampir 700,000 orang) dan kenaikan gaji yang rendah, tekanan kos sara hidup sebegini memaksa rakyat Malaysia merendahkan taraf hidup mereka. Paling dikhuatiri ialah anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah akan terpaksa berlapar dan ramai rakyat Malaysia akan mengalami kekurangan simpanan akibat kenaikan kos sara hidup ini.

Sumber dipetik daripada Malaysia Kini, Faiz Fadzil (6hb April 2022)

Garis panduan pendapatan isi rumah keluarga tahun 2022 bagi setiap kategori:

Golongan B40 dengan pendapatan isi rumah keluarga kurang daripada RM4,850 dan ke bawah. Golongan M40 dengan pendapatan isi rumah keluarga antara RM4,851 sehingga RM10,970 sahaja. Golongan T20 dengan pendapatan isi rumah keluarga melebihi RM10,971 dan ke atas.

Usul berkenaan isu kesesakan lalu lintas [Infrastruktur]

2. KEKURANGAN laluan perhubungan pintu ke pintu (door-to-door connectivity), kekurangan infrastruktur, jalan raya yang sempit, perkhidmatan bas dengan laluan berfrekuensi rendah adalah antara cabaran utama pengangkutan awam yang dihadapi oleh penduduk di Pulau Pinang hari ini. Hasil tinjauan kajian penyelidikan yang dijalankan

oleh Institut Pulau Pinang terhadap situasi pengangkutan menunjukkan terdapat peningkatan yang membimbangkan, dalam nisbah di antara kenderaan dan populasi (vehicle-to-population ratio) di sana. Ia meningkat daripada 1.17 pada tahun 2008 kepada 1.39 pada tahun lalu. Penyelidikan ini berdasarkan kepada 1.6 juta penduduk di Pulau Pinang dan populasi ini dijangkakan berganda sebanyak 3.04 peratus sehingga tahun 2020. Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, dalam Laporan Strategi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), menggambarkan perkembangan semasa di negeri ini di mana pulau ini kini mencapai status bandar raya bertaraf antarabangsa namun ia masih dikekang cabaran. Pakar pengangkutan, Pengarah Perunding Teknikal dan Pembangunan MAG, Goh Bok Yen, berkata sistem transit rel bandar merupakan pilihan yang paling efektif untuk pengangkutan awam yang akan menjadi tulang belakang kepada negeri ini seperti visi PTMP, yang lebih menjurus kepada LRT.

*Jaminan pinjaman bank atas Kerajaan Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutan dalam RMK12 dengan status gagal disalurkan peruntukkan.

Sumber dipetik daripada Berita Harian Online, Siti Nurazlinee Azmi (27hb November 2015)

Slogan CAT

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS

Tan Yi Sheng

N20 Sungai Bakap

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

SIDANG MUDA
PULAU PINANG